


Repealed by Act 551



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 84

**AKTA LEMBAGA PASARAN DAN PELESEN
GETAH MALAYSIA, 1972**

Tarikh Persetujuan di-Raja ... 26hb September, 1972

Tarikh di-terbitkan dalam *Warta* 30hb September, 1972

**UNDANG-UNDANG
MALAYSIA**

Akta 84

**AKTA LEMBAGA PASARAN DAN PELESEN
GETAH MALAYSIA, 1972**

SUSUNAN SEKSHEN-SEKSHEN

Sekshen

1. Tajok ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Penubohan Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia.
4. Tugas² Lembaga itu.
5. Arahan Menteri.
6. Perlantikan pegawai² dan penjawat² Lembaga.
7. Perwakilan.
8. Kumpulanwang.
9. Akaun dan odit.
10. Ubahsuaian² dalam Enakmen² Getah yang berkuatkuasa.
11. Peratoran² Getah.
12. Perluasan dan pindaan² bagi undang² tertentu.
13. Meletakkan harta dan memindahmilk hak² dan tanggungan²
14. Perkechualian.

JADUAL.

**UNDANG-UNDANG
MALAYSIA**

Akta 84

Am Akta A.293/75
Akta A309/76

**AKTA LEMBAGA PASARAN DAN PELESEN
GETAH MALAYSIA, 1972**

Suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk menubuh dan memperbadankan Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia dan untuk perkara² yang berkenaan dengan-nya.

[1st September, 1973] (PU(A) 234/73)

Except ss. 10 + Schedule
S.S. 12 & Schedule - w.e.f. 1-1-74 (PU(B) 576/74)

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. (1) Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, 1972 dan, tertaklok kepada sekshen-kechil (2), hendak-lah mula berkuatkuasa pada tarikh yang di-tetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*. Tajok ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

(2) Menteri boleh menetapkan tarikh² yang berlainan bagi mula berkuatkuasa-nya sekshen² yang berlainan dalam Akta ini.

(3) Akta ini hendak-lah di-pakai di-seluruh Malaysia.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika kandongan ayat-nya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“Enakmen² Getah yang berkuatkuasa” erti-nya Enakmen Pengawalan Getah, 1936, Enakmen Pengawasan Getah, 1937 dan Enakmen² Getah, Ordinan² Getah dan Peratoran² Getah yang bersamaan dengan-nya yang berkuatkuasa sebagaimana di-pinda atau di-ubahsuai oleh Akta ini; N.M.B. 37/36.
N.M.B. 10/37.

“Menteri” erti-nya Menteri yang bertanggungjawab atas perusahaan getah.

(2) Akta ini hendak-lah di-bacha dan di-tafsirkan sebagai satu dengan Ordinan Pengawalan Perkapalan dan Pembungkusan Getah, 1949, Akta Pasaran Getah 74/49.
11/62.

37/66.

Persekutuan Tanah Melayu (Perbadanan), 1962, Akta Pendaftaran Ekspot Getah, 1966 dan Enakmen² Getah yang berkuatkuasa.

Penubuhan
Lembaga
Pasaran dan
Pelesen
Getah
Malaysia.

3. (1) Maka ada-lah dengan ini di-tubuhkan suatu Lembaga yang menjadi suatu pertubuhan perbadanan bernama "Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia" (kemudian daripada ini di-sebut "Lembaga itu") dan ia-nya hendak-lah kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri, dan boleh mendakwa dan di-dakwa atas nama perbadanan-nya.

(2) Lembaga itu hendak-lah terdiri daripada ahli² berikut yang di-lantek oleh Menteri—

- (a) sa-orang Pengerusi;
- (b) sa-orang Timbalan Pengerusi yang akan bertindak sa-bagai Pengerusi gilir;
- (c) sa-orang wakil dari Kementerian Perusahaan Utama;
- (d) empat orang wakil dari perusahaan getah, dua orang daripada mereka hendak-lah mewakili sektor estet perusahaan getah dari antara orang² yang di-namakan oleh Majlis Pengeluar Getah dan dua orang lagi itu hendak-lah mewakili sektor pekebun-kechil dari perusahaan getah;
- (e) empat orang wakil dari perdagangan getah;
- (f) sa-orang wakil dari Bank Negara Malaysia;
- (g) sa-orang wakil dari Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia;
- (h) sa-orang wakil dari Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan;
- (i) dua orang wakil dari Malaysia Timor, sa-orang daripada mereka hendak-lah di-namakan oleh Kerajaan Sabah dan sa-orang lagi itu oleh Kerajaan Sarawak;

file 292/75

→ (3) Maka hendak-lah di-lantek atau di-namakan, mengikut mana yang berkenaan, mengenaī tiap² sa-orang ahli Lembaga itu, lain daripada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, sa-orang ahli gilir yang boleh menghadhiri meshuarat² Lembaga itu apabila ahli hakiki tidak berupaya buat sementara untok hadhir dan apabila menghadhiri meshuarat² itu ahli gilir itu hendak-lah di-sifatkan sa-bagai sa-orang ahli Lembaga itu bagi segala maksud.

(4) Jika sa-saorang ahli Lembaga itu mati atau meletakkan jawatan, kekosongan yang berlaku itu hendak-lah di-isi dengan melantek atau menamakan sa-orang lain mengikut chara sama seperti yang di-peruntokkan dalam sekshen-kechil (2).

(5) Tiap² ahli Lembaga itu hendak-lah memegang jawatan mengikut apa² sharat dan sa-lama apa² tempoh yang di-nyatakan dalam surat perlantekan-nya dan ada-lah layak di-lantek sa-mula.

(6) Menteri hendak-lah mengarahkan supaya perlantekan tiap² ahli dan tiap² ahli gilir Lembaga itu di-siarkan dalam *Warta*.

(7) Pengerusi atau Timbalan Pengerusi apabila bertindak sa-bagai Pengerusi hendak-lah mempunyai hak mengundi atas apa² soal dan jika sa-kira-nya pembahagian undi sama banyak-nya, maka ia hendak-lah juga mempunyai suatu undi pemutus.

4. Lembaga itu hendak-lah bertanggungjawab atas—

(a) pendaftaran dan pelesenan semua orang yang bertugas dalam urusan membungkus getah untuk eksport atau dalam pengapalan getah untuk eksport dalam erti Ordinan Pengawalan Perkapalan dan Pembungkusan Getah, 1949;

Tugas²
Lembaga
itu.

74/49.

(b) pengurusan yang sa-patut dan berkesan bagi Perbadanan yang di-tubuhkan di-bawah sekshen 3 Akta Pasaran Getah Persekutuan Tanah Melayu (Perbadanan), 1962;

11/62.

(c) pengeluaran lesen kepada peniaga² getah dalam erti Enakmen² Getah yang berkuatkuasa;

(d) penyiasatan dan pengawasan aktiviti² perniagaan getah termasuk pemindahan dan pengangkutan getah dalam erti Enakmen² Getah yang berkuatkuasa;

(e) penyelarasan aktiviti dalam pemasaran getah dengan tujuan hendak memajukan pemasaran yang chekap bagi getah dari Malaysia;

(f) kerjasama dan perhubungan dengan semua ejensi² negara yang lain yang bertanggungjawab bagi mengadakan kredit pertanian memproses dan memasarkan getah.

- Arahan Menteri.** 5. Lembaga itu hendak-lah bertanggungjawab kepada Menteri dan Menteri boleh, dari sa-masa ka-samasa, mengeluarkan arahan² mengenai apa² aspek tugas Lembaga itu dan Lembaga itu hendak-lah terikat kepada sa-suatu arahan itu.
- Perlantikan pegawai² dan penjawat² Lembaga.** 6. (1) Lembaga itu boleh melantek pegawai² atau penjawat² sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut bagi maksud menjalankan tugas² Lembaga.
(2) Semua ahli, pegawai dan penjawat Lembaga itu hendak-lah di-sifatkan sa-bagai penjawat awam dalam erti Kanun Keseksaan.
- Perwakilan.** 7. Lembaga itu boleh mewakilkan, tertaklok kepada apa² syarat atau sekatan sa-bagaimana yang di-kenakan oleh-nya, mana² daripada tugas-nya yang di-fikirkan-nya patut kepada mana² orang atau kumpulan orang sa-bagaimana yang di-nyatakan-nya dalam perwakilan itu.
- Kumpulanwang.** 8. Bagi maksud Akta ini maka ada-lah dengan ini ditubuhkan suatu Kumpulanwang yang ka-dalam-nya akan di-masokkan—
(a) segala hasil yang terakru kepada Lembaga itu di-bawah Ordinan Pengawalan Perkapalan dan Pembungkusan Getah, 1949, Akta Pasaran Getah Persekutuan Tanah Melayu (Perbadanan), 1962, dan Akta Pendaftaran Ekspot Getah, 1966; dan
(b) apa² pemberian yang di-masokkan ka-dalam Kumpulanwang itu dari Kumpulanwang Persekutuan Di-satukan;
- dari mana akan di-bayar segala perbelanjaan Lembaga termasuk saraan dan apa² elaun lain yang kena di-bayar kepada ahli², pegawai² atau penjawat² Lembaga sa-bagaimana yang mustahak untuk menjalankan peruntokan² Akta dengan sa-patut-nya.
- Akaun dan odit.** 9. (1) Lembaga hendak-lah mengarahkan supaya akaun² Kumpulanwang itu yang penoh dan benar di-simpan dan hendak-lah dengan sa-berapa segera yang harus sa-lepas 31hb Disember dalam tiap² satu tahun, mengeluarkan suatu laporan mengenai Kumpulanwang itu bersama dengan suatu kunchi-kira² dan suatu akaun pendapatan dan perbelanjaan dalam tahun yang lalu, di-kira dari 1hb Januari atau dari tarikh bermula-nya Kumpulanwang itu hingga 31hb Disember, dan suatu senarai pelaboran² (jika ada) Kumpulanwang itu menunjukkan harga kos dan nilai-nya pada tarikh yang akhir tersebut itu.

LEMBAGA PASARAN DAN PELESEN GETAH MALAYSIA 9

(2) Kunchi-kira² tahunan, pendapatan dan perbelanjaan tahunan dan senarai pelaburan² tahunan (jika ada) Kumpulanwang itu hendak-lah, sa-belum di-keluarkan, di-odit oleh Juruodit Negara atau sa-saorang juruodit sa-bagaimana yang di-lantek oleh Menteri.

(3) Laporan Tahunan Lembaga dan Laporan Juruodit hendak-lah di-hantar oleh Lembaga kepada Menteri tidak lewat daripada 30hb September dalam tiap² satu tahun dan hendak-lah di-bentangkan dalam kedua² Majlis Parlimen oleh Menteri dan di-siarkan dalam *Warta*.

10. Walau apa jua yang terkandung dalam Enakmen² Getah yang berkuatkuasa, segala peruntukan yang terkandung dalam-nya berhubung dengan perlantekan atau penubohan Pihak-berkuasa Pelesen Peniaga² Getah hendak-lah berhenti daripada berkuatkuasa atau berkesan apabila Akta ini mula berkuatkuasa; dan Lembaga yang di-bentok di-bawah Akta ini hendak-lah melantek suatu Pihak-berkuasa Pelesen mengenai sa-suatu Negeri, daerah atau kawasan dan pihak-berkuasa pelesen itu hendak-lah mempunyai segala kuasa sa-olah² Pihak-berkuasa Pelesen itu telah di-lantek di-bawah Enakmen² Getah yang berkuatkuasa.

Ubah-suaian² dalam Enakmen² Getah yang berkuatkuasa.

11. (1) Bagi menjalankan peruntukan² Akta ini dengan sa-patut dan berkesan, Menteri boleh membuat peratoran² bagi semua atau mana² daripada perkara yang berikut—

Peratoran² Getah.

- (a) pengawalan dan pengawasan perniagaan getah termasuk penjualan, pembekalan dan pengeksportan getah;
- (b) pengawalan dan peratoran mengenai pembungkusan, pemeringkatan dan pengapalan getah;
- (c) bagi maksud memastikan bahawa mutu getah yang akan di-ekspot ada-lah dari sa-suatu piawai sa-bagaimana yang di-tetapkankan dan bagi mencheegah tipuan berhubung dengan-nya, pengawalan dan pengawasan piawai² itu termasuk menetapkan chap² yang akan di-chapkan atau dengan chara lain ditera di-atas getah yang di-bungkus untuk ekspot atau di-atas bendela² getah yang di-hantar untuk ekspot; dan
- (d) am-nya bagi menjalankan peruntukan² Akta ini dengan chara lebeh baik dan berkesan, apa² peratoran² yang perlu dengan tujuan hendak membaiki atau menyemak peruntukan² dalam Enakmen²

Getah yang berkuatkuasa dan bagi menjalankan dengan sa-patut perdagangan dan perniagaan getah dan bagi memasarkan dan mengeksport getah.

(2) Apa² peratoran yang di-buat di-bawah sekshen-kechil (1) boleh meminda, mengubahsuai, memansokhkan atau mengganti mana² peruntokan dalam Enakmen² Getah yang berkuatkuasa.

Perluasan dan pin-
daan² bagi
undang²
tertentu.
74/49.
11/62.
37/66.

12. Ordinan Pengawalan Perkapalan dan Pembungkusan Getah, 1949, Akta Pasaran Getah Persekutuan Tanah Melayu (Perbadanan), 1962 dan Akta Pendaftaran Ekspot Getah, 1966 hendak-lah di-perluaskan ka-seluruh Malaysia dan hendak-lah di-pinda mengikut chara yang di-nyatakan dalam Jadual kapada Akta ini.

Meletakhak
harta dan
memindah-
milk hak²
dan tang-
gongan².

74/49.

11/62.

13. Semua harta aleh atau takaleh, yang sa-belum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa telah terletakhak pada atau di-pegang oleh atau untok Lembaga Pendaftaran Ekspot Getah Tanah Melayu yang di-tubuhkan dan di-bentok di-bawah Ordinan Pengawalan Perkapalan dan Pembungkusan Getah, 1949 dan Lembaga yang di-bentok di-bawah Akta Pasaran Getah Persekutuan Tanah Melayu (Perbadanan), 1962, hendak-lah, apabila Akta ini mula berkuatkuasa dan tanpa apa² jua pindahakan, serahakan atau pindahmilkkan, terletakhak atau berpindah kapada Lembaga yang di-bentok di-bawah Akta ini dalam keadaan² dan tertaklok kapada sekatan² sa-bagaimana ia-nya telah terletakhak atau di-pegang sa-belum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa; dan semua hak dan tanggongan yang sa-belum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa ada-lah hak² dan tanggongan² bagi Lembaga² yang pertama tersebut itu hendak-lah, apabila Akta ini mula berkuatkuasa, menjadi hak² dan tanggongan² bagi Lembaga yang di-bentok di-bawah Akta ini.

Perkechua-
lian.

14. Tiada apa² jua dalam Akta ini boleh menyentoh sa-suatu lesen, permit atau kelulusan yang di-keluarkan, di-beri atau di-dapatkan di-bawah mana² undang² yang di-pinda atau di-ubahsuai oleh Akta ini dan lesen, permit atau kelulusan itu hendak-lah terus berkuatkuasa tertaklok kapada had² dan sharat² yang tersebut dalam-nya itu.

LEMBAGA PASARAN DAN PELESEN GETAH MALAYSIA 11

JADUAL

*Pindaan² kepada Ordinan Pengawalan Perkapalan dan
Pembungkusan Getah, 1949*

| Sekshen | Pindaan |
|------------|---|
| 2 ... | Gantikan taarif "the Board" dalam-nya itu dengan yang berikut— "the Board" means the Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board established under the Malayan Rubber Exchange and Licensing Board Act, 1972;. |
| 4 ... | Potong kesemua-nya. |
| 5 ... | Potong kesemua-nya. |
| 6 ... | Potong kesemua-nya. |
| 7 (1) ... | Masokkan yang berikut sa-lepas sahaja perkataan "Ordinance" yang terdapat di-hujung proviso kedua— "or if it is of the opinion that the applicant is otherwise not a fit and proper person to be registered under this Ordinance." |
| 9 (5) ... | Gantikan perkataan "Yang di-Pertuan Agong and the Governor of the Colony" dengan perkataan "Minister". |
| 11 (1) ... | Gantikan perkataan "Yang di-Pertuan Agong and the Governor of the Colony" dengan perkataan "Minister". |
| 15 ... | Potong kesemua-nya. - |
| 16 (1) ... | (a) Gantikan perkataan "Yang di-Pertuan Agong and the Governor of the Colony" dengan perkataan "Minister"; (b) Potong perenggan (a) dan (b). |

*(2) Pindaan² kepada Akta Pasaran Getah Persekutuan Tanah
Melayu (Perbadanan), 1962*

| Sekshen | Pindaan |
|---------|---|
| 2 ... | (a) Gantikan taarif "Board" dalam-nya dengan yang berikut— "Board" means the Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board constituted under the Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board Act, 1972;. (b) Gantikan taarif "Minister" dalam-nya itu dengan yang berikut— "Minister" means the Minister responsible for the rubber industry;. |
| 10 ... | Potong kesemua-nya. |
| 11 ... | Potong kesemua-nya. |
| 13 ... | Potong kesemua-nya. |

[Jadual]

12

AKTA 84

(3) *Pindaan kepada Akta Pendaftaran Ekspot Getah, 1966*

Sekshen

Pindaan

- 2 ... Gantikan taarif "Minister" dalam-nya itu dengan yang berikut—
 ' "Minister" means the Minister responsible for rubber industry;'